

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/1990

Oktober/November, 1989

AKP 401 - Pengauditan

Masa : [3 JAM]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUABELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan; SEMUA soalan daripada Bahagian A dan DUA soalan daripada Bahagian B.

Masa adalah TERHAD. Pastikan anda mengagihkan masa mengikut keperluan markah.

BAHAGIAN A Jawab SEMUA soalan.

1. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kebebasan fakta dan rupadiri?

[6 markah]

- (b) Syarikat Relau telah berhutang dengan seorang juruaudit berhubung dengan yuran audit yang belum dibayar. Syarikat telah menawarkan kepada juruaudit "nota tanpa cagaran yang membayar faedah" sebagai pembayaran yuran audit. Adakah penerimaan nota ini akan menjejaskan perhubungan bebas juruaudit dengan syarikat?

[3 markah]

...2/-

AKP 401

(c) Syarikat Sungai Ara telah ditubuhkan pada 1hb Oktober 19X0 dan tahun perakaunannya berakhir pada 30hb September 19X1. Anda telah menjalankan pengauditan ke atas kunci kira-kira pembukaannya dan telah mengeluarkan pendapat tidak bersyarat ke atasnya. Sebulan selepas mengeluarkan laporan, anda telah ditawarkan jawatan Setiausaha Syarikat Sungai Ara kerana keperluan timbul bagi mendapatkan sepasukan pegawai yang lengkap dan untuk memudahkan beberapa dokumen ditandatangani. Anda tidak mempunyai kepentingan kewangan di dalam syarikat melalui milikan saham atau lain-lain, tidak akan menerima gaji, tidak akan menyimpan buku-buku dan tidak akan mempunyai pengaruh ke atas perkara-perkara kewangan selain daripada nasihat ke atas hal-hal cukai pendapatan dan nasihat-nasihat yang serupa dengannya yang selalu diberikan oleh pelanggan kepada juruaudit.

(i) Andaikan anda telah menerima tawaran itu tetapi bercadang untuk berhenti daripada jawatan itu sebelum menjalankan audit tahunan dengan niat menyambung semula jawatan itu selepas pendapat dikeluarkan ke atas penyata kewangan. Bolehkah anda mengeluarkan pendapat yang bebas terhadap penyata kewangan? Bincangkan.

(ii) Andaikan anda telah menerima tawaran itu bagi sementara waktu sahaja sehingga syarikat itu telah stabil dan boleh mengambil seorang setiausaha tetap. Di dalam keadaan apa sekalipun, anda akan berhenti daripada jawatan setiausaha sebelum menjalankan audit tahunan. Bolehkah anda mengeluarkan pendapat yang bebas ke atas penyata kewangan? Bincangkan.

[8 markah]

2. (a) Apakah tatacara yang digunakan oleh juruaudit untuk memahami struktur kawalan dalaman sesebuah syarikat?

[2 markah]

...3/-

- (b) Syarikat Kewangan Keluarga Sdn. Bhd. membuka 4 pejabat pinjaman persendirian pada 2hb Januari 19X2. Pinjaman tunai secara kecil-kecilan diberikan kepada peminjam dan peminjam dikehendaki membayar balik wang pokok serta faedah di dalam jangkamasa yang tidak melebihi 2 tahun pada setiap bulan. Encik Hanifah, Pengerusi Syarikat, menggunakan salah satu pejabat sebagai pejabat induk dan melawat pejabat-pejabat lain dari semasa kesemasa bagi tujuan pengawasan dan audit dalaman. Ia amat menitik beratkan kejujuran kakitangannya dan telah datang ke pejabat pada bulan Disember 19X2 dan menyatakan "Saya hendak mengadakan satu sistem yang boleh menghindari kakitangan saya dari menggelapkan wang". Dia juga menyatakan "Sebelum saya membuka perniagaan sendiri, saya telah bekerja dengan sebuah syarikat pinjaman yang besar yang mempunyai 500 pejabat, dan dari pengalaman kerja itu, saya telah mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai sistem perakaunan syarikat dan tatacara kawalannya. Saya ingin menerangkan struktur sistem itu kepada anda supaya anda boleh mengadakannya di dalam syarikat saya. Saya berasa yakin dengan sistem itu dan percaya bahawa ia dapat menghindari penipuan sepenuhnya".

Dikehendaki:

- (i) Bagaimanakah anda akan menasihati Encik Hanifah mengenai permintaannya? Bincangkan.

[5 markah]

- (ii) Bagaimanakah anda akan bertindak terhadap cadangannya bagi mengadakan suatu sistem baru yang boleh menghindari penggelapan wang? Bincangkan.

[4 markah]

- (iii) Andaikan sebagai tambahan kepada persetujuan menjalankan pengauditan untuk tahun 19X3, anda telah bersetuju juga untuk mengaudit penyata kewangan Syarikat Kewangan Keluarga Sdn. Bhd. bagi tahun berakhir 31/12/19X2.

...4/-

Tiada limitasi skop dikenakan.

1. Bagaimanakah anda akan menentukan skop yang diperlukan bagi menjalankan sebuah pengauditan yang memuaskan hati anda? Bincangkan.
2. Adakah anda bertanggungjawab terhadap perjumpaan penipuan di dalam audit ini? Bincangkan.

[6 markah]

3. (a) IAG 21 membincangkan mengenai peristiwa selepas kunci kira-kira. Terangkan mengenai:
- (i) jenis-jenis peristiwa selepas tarikh kunci kira-kira.
 - (ii) tarikh laporan audit.
 - (iii) tanggungjawab juruaudit berhubung dengan peristiwa penting selepas kunci kira-kira, dan
 - (iv) peraturan atau tatacara-tatacara yang perlu dilakukan oleh juruaudit bagi memenuhi tanggungjawabnya,

seperti yang dinyatakan di dalam IAG ini.

[12 markah]

- (b) 1. Berikan definisi bagi istilah-istilah berikut:
- (i) kesilapan
 - (ii) tindakan yang menyalahi undang-undang
2. Terangkan tanggungjawab juruaudit di bawah GAAS (Generally Accepted Accounting Principles) butiran-butiran ini di dalam pengauditan penyata kewangan.

[5 markah]

...5/-

- (c) Apakah tujuan utama ujian urusniaga dan baki dan penyemakan analitikal?

[2 markah]

- (d) Apakah perbezaan surat perwakilan dan surat kelemahan?

[5 markah]

- (e) Nyatakan sebab-sebab dan tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh juruaudit jika had kesilapan atasan melebihi kesilapan dijangka di dalam perancangan persampelan 'PPS' (Probability -Proportional-To-Size-Sampling).

[6 markah]

BAHAGIAN B Jawab **DUA** soalan sahaja.

4. (a) Di dalam menjalankan ujian urusniaga bagi jualan untuk Syarikat Zaitun, Encik Khaw, seorang juruaudit sangat mengambil berat mengenai pengesahan dalaman bagi mendapatkan harga yang betul, iaitu cara pengiraan yang betul dan perbandingan dengan invois jualan bagi memastikan kebenaran telah diberikan. Di dalam menguji jualan dengan menggunakan teknik persampelan sifat, sifat yang berasingan telah digunakan bagi ujian pematuhan (kewujudan pengesahan dalaman) dan ujian substantif (ketepatan pengiraan). Oleh kerana kawalan dalaman dianggap baik, Encik Khaw telah menggunakan 10% risiko terlebih percaya yang boleh diterima, 0% bagi kadar penyimpangan populasi yang dijangkakan dan 5% kadar penyimpangan yang boleh diterima bagi kedua-dua sifat. Ukuran sampel yang digunakan ialah 50 butiran. Di dalam menjalankan ujian, juruaudit mempunyai 3 butiran sampel di mana tiada terdapatnya pengesahan dalaman terhadap invois jualan, tetapi invois jualan yang diuji tidak mengandungi kesilapan kewangan.

Dengan merujuk kepada Lampiran, anda dikehendaki:

- (i) tentukan kadar penyimpangan atasan bagi kedua-dua sifat, jika diandaikan populasi invois jualan ialah 5000.

...6/-

AKP 401

- (ii) bandingkan kadar penyimpangan atasan dengan kadar penyimpangan yang boleh diterima.
- (iii) bincangkan tindakan yang boleh diambil oleh juruaudit jika kadar penyimpangan atasan melebihi kadar penyimpangan yang boleh diterima.
- (iv) pada pendapat anda, faktor apakah yang boleh menyebabkan penyimpangan ini berlaku?

[10 markah]

- (b) Sebagai juruaudit Syarikat Hardev, anda telah membuat keputusan untuk menggunakan persampelan 'PPS' (Probability-Proportional-To-Size-Sampling) di dalam menentukan kesaksamaan akaun belum terima. Di dalam perlaksanaan rancangan, anda telah menjumpai beberapa kesilapan seperti berikut:

Nilai buku	Nilai audit
-----	-----
\$1,500	\$1,000
\$2,400	\$1,200
\$8,200	\$7,500
\$6,000	\$5,400
\$9,000	\$8,000

Nilai buku akaun belum terima ialah \$720,000, faktor kebolehan percayaan ialah 5%, risiko salah penerimaan ialah 3 dan ukuran sampel ialah 90. Penukaran tambahan faktor kebolehan percayaan bagi 4 kesilapan pertama adalah 1.75, 1.55, 1.46 dan 1.40.

Dikehendaki:

- (i) Mengira ketepatan asas dan kesilapan diprojekkan.
- (ii) Tentukan peruntukan tambahan risiko persampelan dan had kesilapan atasan.
- (iii) Nyatakan keputusan kuantitatif yang boleh didapati daripada sampel, jika diandaikan kesilapan boleh diterima ialah \$30,000.

[8 markah]

...7/-

5. Berikut adalah penyata kewangan Syarikat Puspati dan laporan audit mengenai pemeriksaannya bagi tahun berakhir pada 31hb Januari, 19X7. Pemeriksaan ini telah dijalankan oleh Encik Subra, seorang juruaudit yang telah memeriksa penyata kewangan syarikat dan telah membuat laporan mengenainya selama beberapa tahun.

Syarikat Puspati
Penyata keadaan bagi 31hb Jan. 19X7 dan 19X6

	<u>19X7</u>	<u>19X6</u>
<u>Aset</u>	\$	\$
<u>Aset semasa:</u>		
Tunai	43,822	51,862
Akaun belum terima dicagarkan - tolak peruntukan hutang lapuk \$3,800 di dalam tahun 19X7 dan \$3,000 di dalam tahun 19X6 (lihat nota kaki)	65,298	46,922
Inventori dicagarkan - pada kos purata dan tidak melebihi kos penggantian	148,910	118,264
Aset semasa yang lain	6,280	5,192
	-----	-----
Jumlah aset semasa	264,310	222,240
	=====	=====
 <u>Aset tetap</u>		
Tanah - pada kos	38,900	62,300
Bangunan - pada kos, tolak susutnilai terkumpul \$50,800 di dalam tahun 19X7 dan \$53,400 di dalam tahun 19X6	174,400	150,200
Mesin dan peralatan - pada kos tolak susutnilai terkumpul \$30,500 di dalam tahun 19X7 dan \$25,640 di dalam tahun 19X6	98,540	78,560
	-----	-----
Jumlah aset tetap	311,840	291,060
	-----	-----
Jumlah aset	576,150	513,300
	=====	=====

...8/-

AKP 401

	<u>19X7</u> \$	<u>19X6</u> \$
<u>Ekuiti pemegang saham dan liabiliti</u>		
<u>Liabiliti semasa</u>		
Akaun belum bayar	27,926	48,161
Liabiliti lain	68,743	64,513
Bahagian semasa cagaran jangka panjang belum bayar	3,600	3,600
Cukai belum bayar	46,840	30,866
	-----	-----
Jumlah liabiliti semasa	147,109	147,140
<u>Liabiliti jangka panjang</u>		
Cagaran belum bayar	90,400	94,000
	-----	-----
Jumlah liabiliti	237,509	241,140
<u>Ekuiti pemegang saham:</u>		
Saham biasa yang mempunyai nilai par \$100 dan terdiri daripada 1,000 saham yang dibenarkan dan diterbitkan	100,000	100,000
Perolehan tertahan	238,641	172,160
	-----	-----
Jumlah ekuiti pemegang saham	338,641	272,160
	-----	-----
Jumlah ekuiti pemegang saham dan liabiliti	576,150	513,300
	=====	=====

...9/-

Syarikat Puspati

Penyata pendapatan bagi tahun berakhir
31hb Januari 19X7 dan 19X6

	19X7	19X6
	\$	\$
Pendapatan	884,932	682,131
Pendapatan lain	3,872	2,851
	-----	-----
Jumlah	888,804	684,982
<u>Kos dan belanja:</u>		
Kos barang dijual	463,570	353,842
Belanja jualan	241,698	201,986
Belanja pentadbiran	72,154	66,582
Peruntukan cukai pendapatan	45,876	19,940
Belanja lain	12,582	13,649
	-----	-----
Jumlah	835,880	655,999
Pendapatan bersih	52,924	28,983
	-----	-----
Kepada: Encik Khairun, Pengerusi	31hb Mac 19X7	
Syarikat Puspati		

Saya telah memeriksa kunci kira-kira Syarikat Puspati, penyata pendapatan dan penyata perolehan tertahan yang berhubung dengannya.

Penyata-penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang betul dan keputusan operasi adalah selaras dengan prinsip perakaunan yang diterima umum yang konsisten. Pemeriksaan saya telah dibuat mengikut standard pengauditan yang diterima umum serta akta syarikat dan mengandungi ujian-ujian dan tatacara pengauditan yang pada hemat saya adalah perlu dijalankan.

(Tandatangan)
Encik Subra

...10/-

Dikehendaki

- (a) Senaraikan dan bincangkan kekurangan atau kesalahan (jika ada) mengenai laporan audit yang disediakan oleh Encik Subra. Perbincangan hendaklah mengandungi justifikasi bahawa perkara-perkara yang anda telah nyatakan adalah benar-benar kekurangan atau kesalahan. (Andaikan campuran adalah betul).

[16 markah]

- (b) Mengikut Akta Syarikat, apakah perkara-perkara lain jika tidak dinyatakan di dalam akaun boleh dinyatakan di dalam laporan audit?

[2 markah]

6. (a) Mengikut IAG 10, penilaian fungsi audit dalaman oleh juruaudit luar boleh mempengaruhi, pertimbangannya sama ada hendak menggunakan sebahagian atau keseluruhan kerja audit dalaman. Juruaudit luar mestilah mendokumenkan penilaian dan dapatannya mengenai perkara ini.

Apakah 4 kriteria utama yang digunakan bagi menilai fungsi audit dalaman mengikut IAG ini?

[4 markah]

- (b) Adalah perlu bagi seseorang juruaudit luar untuk membuat penyemakan kritikal ke atas penyata kewangan syarikat sebelum penyediaan laporannya kepada ahli-ahli syarikat. Sebagai tambahan juruaudit juga dikehendaki menyemak akaun pengurusan dalaman pada permulaan dan akhir audit.

Dikehendaki:

- (i) menyatakan tujuan penyemakan akaun pengurusan pada permulaan audit.
- (ii) menyatakan tujuan penyemakan terakhir audit. Adakah tujuannya sama dengan penyemakan permulaan audit?

...11/-

AKP 401

- (iii) menggariskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh juruaudit di dalam penyemakan terakhir.

[9 markah]

- (c) Mengenai keratan akhbar yang menyatakan kecurian wang syiling sebanyak \$17,000 di Bank Negara tidak lama dahulu, anda dikehendaki menjelaskan bagaimana kecurian itu dilakukan dan mengemukakan dua cadangan yang paling berkesan bagi menghindarinya daripada berlaku.

[5 markah]

LAMPIRAN

**Statistical Sample Results Evaluation Table for Tests of Controls
Upper Deviation Limit
(for large populations)**

Table 1 5% Risk of Overreliance

Sample Size	Actual Number of Deviations Found								
	0	1	2	3	4	5	6	7	8
25	11.3	17.6	*	*	*	*	*	*	*
30	9.5	14.9	19.5	*	*	*	*	*	*
35	8.2	12.9	16.9	*	*	*	*	*	*
40	7.2	11.3	14.9	18.3	*	*	*	*	*
45	6.4	10.1	13.3	16.3	19.2	*	*	*	*
50	5.8	9.1	12.1	14.8	17.4	19.9	*	*	*
55	5.3	8.3	11.0	13.5	15.9	18.1	*	*	*
60	4.9	7.7	10.1	12.4	14.6	16.7	18.8	*	*
65	4.5	7.1	9.4	11.5	13.5	15.5	17.4	19.3	*
70	4.2	6.6	8.7	10.7	12.6	14.4	16.2	18.0	19.7
75	3.9	6.2	8.2	10.0	11.8	13.5	15.2	16.9	18.4
80	3.7	5.8	7.7	9.4	11.1	12.7	14.3	15.8	17.3
90	3.3	5.2	6.8	8.4	9.9	11.3	12.7	14.1	15.5
100	3.0	4.7	6.2	7.6	8.9	10.2	11.5	12.7	14.0
125	2.4	3.7	4.9	6.1	7.2	8.2	9.3	10.3	11.3
150	2.0	3.1	4.1	5.1	6.0	6.9	7.7	8.6	9.4
200	1.5	2.3	3.1	3.8	4.5	5.2	5.8	6.5	7.1

Table 2 10% Risk of Overreliance

Sample Size	Actual Number of Deviations Found								
	0	1	2	3	4	5	6	7	8
20	10.9	18.1	*	*	*	*	*	*	*
25	8.8	14.7	19.9	*	*	*	*	*	*
30	7.4	12.4	16.8	*	*	*	*	*	*
35	6.4	10.7	14.5	18.1	*	*	*	*	*
40	5.6	9.4	12.8	15.9	19.0	*	*	*	*
45	5.0	8.4	11.4	14.2	17.0	19.6	*	*	*
50	4.5	7.6	10.3	12.9	15.4	17.8	*	*	*
55	4.1	6.9	9.4	11.7	14.0	16.2	18.4	*	*
60	3.8	6.3	8.6	10.8	12.9	14.9	16.9	18.8	*
70	3.2	5.4	7.4	9.3	11.1	12.8	14.6	16.2	17.9
80	2.8	4.8	6.5	8.3	9.7	11.3	12.8	14.3	15.7
90	2.5	4.3	5.8	7.3	8.7	10.1	11.4	12.7	14.0
100	2.3	3.8	5.2	6.6	7.8	9.1	10.3	11.5	12.7
120	1.9	3.2	4.4	5.5	6.6	7.6	8.6	9.6	10.6
160	1.4	2.4	3.3	4.1	4.9	5.7	6.5	7.2	8.0
200	1.1	1.9	2.6	3.3	4.0	4.6	5.2	5.8	6.4

*Over 20%.

STATISTICAL SAMPLE EVALUATION TABLES. [Source: Audit Sampling Guide, pp. 108-109]